

" Bermulanya
Suatu Kehidupan,
Sekalung Harapan,
Sebuah Janji ... "

Harapan terhadap permata hati telah berputik sebelum kelahirannya. **PRUmy child** akan melindungi harapan murni ini bermula dari peringkat awal.

Bermulanya Suatu Kehidupan...

Saat anda mengetahui kehamilan anda merupakan suatu detik penuh keajaiban.

Kegembiraan dan kesyahduan memenuhi ruang hati. Namun adakalanya kebimbangan meliputi naluri kerana adanya suatu kehidupan baru dalam diri anda dan anda inginkan segala yang terbaik buatnya.

Bertenang dan dapatkan rehat yang secukupnya... kerana keajaiban kecil yang kini menjadi sebahagian daripada anda akan membawa seribu satu pengalaman manis dan penyeri dalam kehidupan.

Sekalung Harapan...

Tahniah! Anda kini sudah pun memasuki trimester kedua kehamilan... Adakah anda mengharapkan bayi lelaki atau bayi perempuan? Atau mungkin juga anak kembar?

Sebagai bakal bergelar ibu dan bapa, menyemai harapan dan impian untuk permata hati adalah perkara yang lazim. Malah sewaktu mengandungkannya, harapan sudah terbina. Berharap si permata hati akan sentiasa gembira, sihat dan selamat. Harapan ini adalah amat berharga dan wajar dilindungi dari awal.

Di Prudential, kami boleh membantu anda menggenggam harapan dan impian untuk permata hati anda dengan pelan perlindungan menyeluruh **PRUmy child**, seawal minggu ke-18 kehamilan.

Sebuah janji... yang bermula sebelum kelahirannya lagi, dengan **PRUmy child**





Cinta yang paling ampuh ialah cinta tanpa syarat oleh ibu dan bapa terhadap anak mereka. Selain daripada menyediakan keperluan asas mereka, anda juga ingin menjaga mereka seterusnya bagi melunaskan janji anda.

Walaupun anda berharap segala-galanya akan sempurna bagi bayi anda, namun terdapat perkara-perkara di luar kawalan anda. **PRUmy child** meredakan kegusaran anda dengan perlindungan yang menyeluruh untuk anak anda, malah sebelum kelahirannya lagi.

Bertujuan memberikan anda kelapangan fikiran, manfaat **Infant Care*** dalam **PRUmy child** menyediakan perlindungan dalam tempoh kehamilan, kelahiran dan selepas kelahiran anak.

* Manfaat opsyenal tertakluk kepada pengunderaitan dan premium tambahan selama 2 tahun serta dibeli dalam tempoh 18 - 35 minggu kehamilan.

PRU *my child* melindungi anda
sebelum anda dilahirkan.



Sila letakkan cap tangan dan kaki bayi anda di sini.

PRU*my child*

Janji
PRU*my child*

Sila letakkan gambar keluarga anda



Manfaat PRU *my child* sepintas lalu

- Memberi anda kawalan dan fleksibiliti bagi membentuk pelan yang lengkap untuk anak anda.
- Melindungi bayi anda seawal minggu ke-18 kehamilan.
- Pilihan untuk melampirkan rider **Infant Care*** bagi meningkatkan perlindungan untuk bayi anda bermula dari 18 minggu kehamilan sehingga anak anda mencapai umur 2 tahun.
- Bina dana pendidikan anak anda melalui manfaat opsyenal **PRUedusaver** dan **PRUsaver kid riders**.

Manfaat Infant Care* sepintas lalu

- Manfaat untuk **Jaundis Neonatal yang memerlukan rawatan fototerapi** dalam tempoh 60 hari pertama dari kelahiran anak anda.
- Manfaat kemasukan ke **Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Pergantungan Tinggi (HDU)** dalam tempoh tahun pertama dari kelahiran anak anda, sama ada disebabkan oleh kelahiran pra-matang atau trauma kelahiran, sehingga 60 hari.
- Manfaat inkubasi anak anda sepanjang tempoh 60 hari pertama dari kelahiran.
- Melindungi 15 penyakit kongenital sehingga anak anda mencapai umur 2 tahun.

** Manfaat opsyenal tertakluk kepada pengunderaitan dan premium tambahan selama 2 tahun serta dibeli dalam tempoh 18 sehingga 35 minggu kehamilan.*

Apakah PRU *my child* dan siapakah yang wajar membeli pelan ini?

PRU *my child* ialah pelan insurans berkaitan pelaburan premium tetap. Anda boleh mendapatkan pelan ini seawal usia kandungan 18 minggu, atau untuk anak anda yang berumur di antara 1 sehingga 18 tahun pada hari lahir akan datang.

Apakah manfaat yang terdapat dalam PRU *my child* ?

<p>> Sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku kepada anak anda:</p> <ul style="list-style-type: none">• Kematian sebelum kelahiran, sehingga 30 hari dari kelahiran	<p>Apakah yang akan dibayar:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Jumlah premium dibayar tolak sebarang pengeluaran yang dibuat daripada nilai unit, atau(ii) Jumlah nilai unit dalam polisi, mana-mana yang lebih tinggi.
<ul style="list-style-type: none">• Kematian selepas 30 hari dari kelahiran	<p>Jumlah diinsuranskan dan nilai unit dalam polisi. Lien Juvenil akan dikenakan.</p>

<ul style="list-style-type: none"> Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) sebelum umur 70 	<p>Jumlah diinsuranskan akan dibayar. Lien Juvenil akan dikenakan.</p> <p><i>(sila rujuk kepada dokumen polisi atau ilustrasi jualan untuk definisi, terma dan syarat TPD)</i></p>
<p>> Pada kematangan polisi</p>	<p>Nilai unit dalam polisi apabila anak anda mencapai umur 100 tahun pada hari lahir akan datang.</p>
<p>> Pada serahan polisi</p>	<p>Nilai unit dalam polisi pada masa serahan.</p>
<p>> Bonus Loyalty</p>	<p>Anda akan menerima Bonus Loyalty 5% daripada premium tahunan (tidak termasuk premium tokokan atau premium untuk PRUedusaver / PRUsaver kid / PRUsaver) apabila tamat tahun polisi ke-10, dan pada setiap 3 tahun selepas itu dengan syarat premium tahunan dibayar tepat pada masanya.</p> <p><i>(sila rujuk kepada dokumen polisi atau ilustrasi jualan untuk definisi, terma dan syarat Bonus Loyalty)</i></p>

Lien Juvenil: Sekiranya berlaku kematian, penyakit kritikal atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum mencapai umur 5 tahun pada hari jadi akan datang (n.b.), perkadaran jumlah diinsuranskan yang dibayar ialah pada 1 tahun n.b.:20%, 2 tahun n.b.:40%, 3 tahun n.b.:60%, 4 tahun n.b.:80%, 5 tahun n.b.: 100%.

Apakah manfaat opsyenal yang boleh dilampirkan?

Anda boleh melengkapkan lagi pelan dengan manfaat-manfaat opsyenal termasuk manfaat kesihatan, kemasukan ke hospital, kemalangan dan penyakit kritikal untuk anak anda.

Manfaat penyakit kritikal	Menjaga anak anda sekiranya dia didiagnos menghidap penyakit kritikal atau penyakit anak tertentu.
Manfaat kesihatan & perubatan	Perlindungan menyeluruh untuk bil perubatan sekiranya anak anda perlu mendapatkan rawatan di hospital.
Manfaat kemalangan	Menyediakan perlindungan menyeluruh untuk kecederaan akibat kemalangan.
Manfaat payor	Memastikan kesinambungan pelan sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD sebelum umur 70 tahun atau penyakit kritikal.
Simpanan	PRUedusaver menyediakan pendapatan tahunan yang terjamin apabila anak anda memasuki fasa pendidikan tinggi manakala PRUsaver kid membantu anak anda meningkatkan jumlah simpanannya.

Lampiran manfaat opsyenal adalah tertakluk kepada pengunderaitan dan premium tambahan. Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan manfaat opsyenal, sila hubungi agen/Perancangan Kewangan Prudential anda yang mesra atau layari laman maklumat **PRUmy child** di laman web korporat Prudential di www.prudential.com.my. (di bawah tajuk Understanding Your Solutions → Child → **PRUmy child**).

Berapakah premium yang perlu saya bayar dan tempoh pembayaran premium?

	Premium minimum setahun
PRU <i>my child</i>	RM600 (tertakluk kepada pengunderaitan)
PRU <i>saver kid</i>	RM120
PRU <i>edusaver</i>	RM600 (tertakluk kepada jumlah maksimum 5 kali premium untuk pelan asas PRU <i>my child</i>)

Note: Anda hanya boleh memilih salah satu di antara **PRU***saver kid* atau **PRU***edusaver* ketika melakukan pembelian. Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk kadar peruntukan premium.

Premium perlu dibayar sepanjang tempoh polisi sehingga tamat tempoh polisi. Apabila tamat tempoh mana-mana manfaat opsyenal, premium akan dikurangkan sewajarnya. Premium boleh dibayar secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui Auto Debit, Kad Kredit, Tunai atau Cek.

Di manakah wang saya dilaburkan?

Anda boleh memilih untuk melabur dalam mana-mana siri dana **PRU***link* dan / atau dana **PRU***link global*. Sekiranya **PRU***edusaver* disertakan, anda hanya dibenarkan untuk melabur dalam dana **PRU***link education* sebagaimana yang kami tetapkan. Anda boleh mengikuti prestasi dana-dana anda dengan menyemak harga unit yang diterbitkan setiap hari di laman web kami di www.prudential.com.my.

Risalah ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan hendaklah dibaca bersama dengan Lembaran Pendedahan Produk, Ilustrasi Jualan, dan Lembaran Fakta Dana.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi agen/ Perancangan Kewangan Prudential anda yang mesra atau layari laman web korporat Prudential di www.prudential.com.my.

Sila ambil perhatian bahawa ini adalah produk insurans yang dikaitkan dengan prestasi aset-aset pendasar, dan bukannya produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Prudential Assurance Malaysia Berhad
Ahli PIDM


Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB adalah dilindungi daripada kerugian sebahagian atau keseluruhan manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari PAMB atau layari laman sesawang PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Nota Penting

- > **PRU***my child* bukan produk patuh Shariah.
- > Kami berhak untuk menyemak kadar premium dan caj (kecuali caj insurans untuk manfaat Kematian dan TPD) pada ulang tahun polisi dengan memberi notis bertulis 90 hari (30 hari untuk manfaat perubatan dan manfaat pendapatan masuk hospital).
- > Anda seharusnya menilai kemampuan dan kesesuaian produk (termasuk manfaat opsyenal) selaras dengan matlamat kewangan dan ketahanan risiko anda. Untuk mencapainya, kami menyarankan agar anda berbincang dengan ejen atau Perancang Kewangan anda yang akan melakukan analisa keperluan dan membantu anda mengambil keputusan yang wajar.
- > Perlindungan sehingga umur tamat tempoh adalah tertakluk kepada unit-unit yang mencukupi untuk menampung penolakan caj insurans, caj perkhidmatan, caj jaminan (jika ada) dan caj pentadbiran (jika ada).
- > Pemilik polisi akan berpindah secara automatik kepada anak apabila usianya mencapai umur 25 tahun.
- > Jika anda membatalkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan dapat memperoleh nilai penuh daripada amaun yang telah anda bayar. Apabila anda menyerahkan polisi, semua manfaat di bawah pelan ini akan tamat.
- > Tempoh tinjauan percuma selama 15-hari diberikan selepas polisi ini diserahkan kepada anda untuk membolehkan anda mengajikan sama ada ia memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan mengembalikan nilai unit-unit (pada tarikh harga unit seterusnya) serta premium yang tidak diperuntukkan, caj perkhidmatan, caj insurans, caj jaminan (jika ada) dan caj pentadbiran (jika ada) tolak perbelanjaan perubatan. Selain itu, jika tokokan dibuat, 5% daripada premium tidak diperuntukkan akan dibayar balik. Tokokan tidak dikenakan sebarang caj insurans.
- > Risalah ini adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Jualan sebelum membeli sesuatu pelan, serta merujuk terma dan syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
- > Tidak membayar premium boleh menyebabkan polisi ini terbatal. Sekiranya anda berhenti membayar premium yang ditetapkan, pelan ini akan diteruskan selagi terdapat unit yang mencukupi dalam akaun masing-masing. Oleh itu, bergantung kepada jumlah unit yang ada di dalam akaun, manfaat pelan ini boleh luput dan tidak lagi berkuat kuasa pada masa-masa yang berlainan.
- > Risalah ini hendaklah digunakan bersama dengan Lembaran Fakta Dana **PRU***link* dan **PRU***link education* (jika berkenaan); serta Lembaran Pendedahan Polisi Berkaitan Pelaburan **PRU***link* and **PRU***link education* (jika berkenaan).
- > Prudential Assurance Malaysia Berhad adalah sebuah syarikat insurans berlesen dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Lampiran

Penyakit Kongenital Yang Dilindungi



Penyakit Kongenital Yang Dilindungi	Kategori
Hidrosefalus Infantil	Serebral
Palsi Serebral	Serebral
Spina Bifida	Serebral
Katarak Kongenital	MTHK
Kepekakan Kongenital	MTHK
Sumbing Bibir dengan / tanpa Sumbing Lelangit	MTHK
Kecacatan Septum Ventrikel	Jantung
Tetralogi Fallot	Jantung
Kecacatan Septum Atrium	Jantung
Transposisi Pembuluh Besar	Jantung
Koarktasi Aorta	Jantung
Atresia Esofagus	Gastro-usus
Tracheo-esophageal Fistula	Gastro-usus
Hernia Diafragmatik Kongenital	Gastro-usus
Atresia Anal	Gastro-usus

MTHK: Mata, telinga, hidung & tekak

Manfaat Penjagaan Kehamilan

Usia kandungan 18 minggu dan seterusnya sehingga kelahiran

	Pelan 1 Infant Care	Pelan 2 Infant Care
Komplikasi Kehamilan Eklampsia, Abrupsi Plasenta, Embolisme Cecair Amnion	RM2,500 sekaligus	RM5,000 sekaligus
Kematian Janin*	RM2,500 sekaligus	RM5,000 sekaligus
Kematian Ibu ketika kehamilan atau dalam tempoh 30 hari dari kelahiran bayi	RM10,000 sekaligus	RM20,000 sekaligus



Manfaat
Infant Care
sepintas lalu

Manfaat Penjagaan Anak

Selepas kelahiran sehingga berumur 2 tahun



	Pelan 1 Infant Care	Pelan 2 Infant Care
Kematian Bayi* dalam tempoh 30 hari dari kelahiran	RM2,500 sekaligus	RM5,000 sekaligus
Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Pergantungan Tinggi (HDU) dalam tempoh tahun pertama dari kelahiran	RM300 sehari (maksimum 60 hari)	RM500 sehari (maksimum 60 hari)
Inkubasi Bayi Baru Lahir sepanjang 60 hari pertama dari kelahiran	RM100 sehari	RM200 sehari
Jaundis Neonatal memerlukan Rawatan Fototerapi dalam tempoh 60 hari pertama dari kelahiran	RM500 sekaligus	RM1,000 sekaligus
Anak dimasukkan ke Hospital akibat 15 jenis Penyakit Kongenital	Pembayaran balik tuntutan kemasukan ke hospital sehingga RM15,000 setahun (sehingga umur 2 tahun)	Pembayaran balik tuntutan kemasukan ke hospital sehingga RM30,000 setahun (sehingga umur 2 tahun)

* Amaun perlu dibayar di atas manfaat kematian **PRU**my child iaitu jumlah premium dibayar tolak sebarang pengeluaran yang dibuat daripada nilai unit, atau jumlah nilai unit dalam polisi, mana-mana yang lebih tinggi.



Always Listening. Always Understanding.

Prudential Assurance Malaysia Berhad (07655-U)

Menara Prudential, 10 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2116 0228 Fax: 03-2032 3939
Email: customer.mys@prudential.com.my

www.prudential.com.my